

18/11/1999

Taib umum senarai calon Parlimen hari ini

Rosli Safar; Misiah Taib

KUCHING, Rabu - Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, akan mengumumkan senarai penuh calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding di 28 kawasan Parlimen di Sarawak, esok.

Pengumuman itu akan dibuat pada satu sidang media di Ibu pejabat Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Jalan Bako, Petra Jaya, di sini.

Sewaktu ditemui pemberita sekembalinya dari Kuala Lumpur petang semalam, Taib yang juga Pengerusi BN negeri memberitahu, senarai calon hanya akan diumumkan pada 18 November (esok).

Difahamkan senarai akhir calon BN untuk bertanding di Sarawak sudah diputuskan dalam pertemuan Taib dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Putrajaya, semalam.

Taib tiba di hangar Hornbill Skyways dari Kuala Lumpur pada kira-kira jam 6.45 petang semalam dan sekumpulan kira-kira 20 wakil media cetak dan elektronik menunggu beliau di situ.

Bagaimanapun pihak media yang menyangka kemungkinan Ketua Menteri akan mengumumkan senarai calon lewat petang semalam, dimaklumkan bahawa Taib hanya akan mengadakan sidang media Rabu ini.

Sebelum itu, pihak media yang pada mulanya difahamkan bahawa satu sidang media akan diadakan pada jam 5.30 petang di hangar Hornbill Skyways, menunggu di situ sejak jam 4.30 petang lagi.

Pada pilihan raya Parlimen 1995, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang diterajui Taib sendiri, memenangi 10 kerusi parlimen di Sarawak, diikuti Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dengan 7 kerusi, Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) (16 kerusi) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) 3 kerusi.

Satu lagi daripada 27 kerusi Parlimen Sarawak yang dipertandingkan pada 1995, kini disandang oleh calon Dap, Chew Chiu Sing, iaitu bagi kawasan Bintulu.

Bagaimanapun pada pilihan raya kali ini, kerusi Parlimen Sarawak bertambah menjadi 28, berikutan satu kawasan baru iaitu Mambong turut dipertandingkan.

Senarai calon BN negeri yang akan diumumkan esok, dijangka bakal menyaksikan beberapa perubahan, dengan beberapa muka baru akan dicalonkan, bagi menggantikan muka lama yang akan digugurkan.

Sebelum ini, Taib ada menyatakan bahawa kira-kira 30 peratus daripada calon BN Sarawak untuk pilihan raya kali ini adalah muka baru.

(END)